BEBAL ZINE

#4



ARTWORK BY JEKPUT

56 46

> American Heart Association menasihatkan supaya pengambilan kolesterol tidak melebihi 300 mg dalam sehari.

Introduksi bebal zine isu ke empat.....

Hi..apa kabar kalian?Kembali lagi mencanang edisi ke empat.Terima kasih atas segala sokongan dan reaksi yg anda berikan kepada saya sepanjang pembikinan edisi sebelumnya.Saya sgt menghargai peranan kalian.:).Saya menerima banyak komen2 mengatakan kenapa zine ini nipis sgt dan tidak puas diatatap.Jadi kali ini saya cuba memberikan sedikit kelebihan muka surat dan harga yg sedikit meningkat.Ingin saya ulangi membuatkan zine tidaklah memberikan apa2 keuntungan dari segi not tinggit buat saya tetapi kepuasan menzahirkan dlm bentuk penulisan dan berkomentar dgn teman2 benar-benar membuatkan saya teruja utk meneruskan aktiviti pembikinan zine ini.Sememangnya saya perlu menebalkan zine ini bagi memberikan kepuasan kepada pembaca kerana saya beranggapan penulisan saya adalah utk kalian semua membacanya.Jadi adalah satu kepuasan bila anda semua berpuas hati menatap zine ini.:)

POLISI.....

Saya cuba utk berlaku jujur dlm setiap material yg saya review dan jika timbul sebarang ketidakpuashatian terhadap komen2 saya bolehlah kiranya kita berkomunikasi dgn cara yg enak.Jadi seharusnya saya menolak diri saya utk bermuka-muka dgn apa yg saya rasa perlu sata tulis.Seharusnya segala rasa tidak puas hati diadaptasi menerusi satu medium komunikasi yg releven.Bukan mengambilnya dgn sepenuh rasa emosi.Seharusnya seorang pemikir punk sentiasa kritis dgn setiap apa yg menimbulkan keraguan pada kalian bukan? Saya menerima segala bentuk alunan yg anda mainkan utk direview dlm zine ini asalkan ianya tidak mempunyai unsur2 yg dibenci.Saya lebih senang kiranya disertakan lirik dlm rilisan anda kerana lirik juga memainkan peranan sebagai stand kugiran anda.Saya sgt mengutamakan kugiran tempatan utk diulas.:).Ayuh..eratkan ruang komunikasi sekarang!
Jadi,dukunglah komuniti DIY anda....

Punk rock adalah konflik~~~~!!!!

Azizi_grindcore@yahoo.com
Myspace.com/azizi_sengal
Khairulazizi.blogspot.com

ilustarsi grafik pada setiap lirik pada *sleeve* cd mereka.Juga disertakan klip video yg boleh dimainkan di pc anda!
Profane Existence,PO Box 8722,Minneopolis,MN 55408 USA. www.thecooters.com

THE COOTERS-Punk Metal cd

Saat Profane sudah dikuburkan kerana ancaman plagiat di US jadi *stuff2* PE akan menjadi *rare* selepas ini.Hahah...ok mereka kembali lagi dgn full length.Melihat tajuknya membayangi apa yg mereka mainkan.Cuma kali ini bagi sahaja mereka lebih ke arah punk rock dan pengaruh rock and roll serta agak bermelodi.Dgn unsur2 *fun* pada setiap lagu2 mereka.Lirik mereka seperti biasa sarat dgn kritik sosial dan politikal yg begitu serius sekali.Dgn sleeve yg menarik band ini memberikan kepuasan buat saya.Hell yeah!!!
Alamat seperti di atas.

TYRANT-Demo Tape.

Didatangkan dlm kotak warna hitam yg menarik dan anda boleh membayangi apa yg mereka main.Tyrant memainkan irama screamo.Saya tidak dpt mengklafikasikannnya secara spesifik kerana track2 mereka pendek dan rifffing dan stroke yg biasa sahaja.Kualiti rakaman yg agak baik utk demo dan diharapkan mereka akan menghasilkan alunan yg lebih enak pada masa akan dgn lirik yg lebih menarik.
Utarid Tapes
tyranttyrant@gmail.com

TYRANT.

VUUR-Vuurviolence CD

Satu fakta yg menarik bagi band ini adalah mereka terpaksa dikuburkan keran vokalis mereka tidak boleh menyanyi lagi atas nasihat doctor.CD ini bolehlah dikatakan diskografi mereka walaupun Cuma 10 track sahaja.Screamo?Emo-violence?Mereka mendominasi segalanya dgn attitude punk yg sarat dlm lirik-lirik mereka.Setiap lirik disertakan penjelasan yg kebanyakan berkisar mengenai persoalan kemanusiaan.Sesuatu yg menarik mengenai band ini adalah mempunyai part vokal *growl* pada sebahagian lagu2 mereka.Disertakan juga video live mereka yg juga tidak kurang hebatnya!Translasi juga disertakakan dlm bahasa Jepun!
Acclaim Collective,
2-39-2 Co Op Ishida 103,Sangenjaya,Setagaya-ku,Tokyo,154-0024 JAPAN
acclaim@nomasters.com
acclaim.nomasters.com
Kontek band:vuur@pandora.be
www.myspace.com/vuurviolence



PHOENIX BODIES

PROJECT HOPELESS-Hit Men Inte Langre Utan Skyddshjalm CD.

Agak lewat sebenarnya utk saya mengulas cd ini.P memainkan irama modern d-beat crust(pada waktu ini) dari Sweden dgn permainan drum yg agak laju berbanding band2 d-beat sedia adak.Dari segi riffing masih mengekalkan alunan irama baur2 Swedish pekat yg begitu sinonim dgn genre sebegini.Ini adalah diskografi cd mereka anda dpt melihat perubahan permainan mereka dari sound2 awal 80s punk hinggalah ke modern crust.Apa yg menarik adalah dan penjelasan band ini mengenai *stand* mereka yg disertakan pada sleeve dan lirik bahasa ibunda yg diterjemah dlm bahasa Inggeris dgn persoalan2 yg membuatkan saya berfikir.A must!!

Bullwhip Records,C/O Borhan,No 9,Jln 3/4 G,43650,Bandar Baru Bangi,Selangor,Malaysia.
bullwhiprecs@yahoo.com

SANTRIONS-Home Sweet Home cd

Didatangkan dalam pakej gatefold yg mana artwork di depannya di cetak dgn teknik *silk screen* kehitaman dan saya mulai membayangkan dibenak pemikiran saya ini adalah kgiran screamo.Hahah..Dgn track pertama yg bermelodi dgn menginatkan saya pada kugiran-kugiran screamo dari Jepun seperti Gauge Means Nothing,Tiala,Dip Leg alunan telinga saya dipukau oleh beat-beat d-beat bermelodi dgn pengaruh sebegini dgn band seperi Ekkaia.Bnad ini menampilkan ex band Cease Upon The Capitol ini memainkan irama melodic d-beat/ dgn lebih bermelodi dan mengemudi part2 hardcore dgn riffinng2 yg bermelodi pada track-track mereka.Lirik berkisar berontak perihal kesengsaraan dunia dgn penyampaian yg berkias.Tidaklah sesuatu yg baru Cuma sgt tepu dgn melodi mereka,

ANTI CORPORATE MUSIC INC,
PO BOX 190339,Nashville,tn 37219,USA
www.audio-rat-poison.com
dan@audio-rat-poison.com

SLAPENDEHONDEN/DRILL BIT/BROM BRIGADE 3 WAY SPLIT CD.

Band pertama agak mengecewakan saya dgn irama yg membuatkan saya agak keras tambahan dgn pernyataan yg saya langsung tidak boleh terima "*we don't have lyrics,we improve and sing what comes to our mind!!But what the fuck you cant understand at all you just hear screaming*".Tidak hairanlah jika teman2 dari Netherland sendiri agak ketat bila saya bertanyakan perihai mereka.Brom Brigade dari Russia memberikan alunan thrashcore dgn riffing2 hardcore pada track mereka .Play fukking fast!!Dgn lirik perihal sekeliling mereka sehingga komuniti punk/hc mereka sendiri.Dinyanyikan dlm bahasa ibunda dgn terjemahan dlm bahasa Inggeris.Circle pit!!!Drill Brit memberikan alunan irama hardcore sekolah muda sarat dgn sing along dgn vokal old school dgn lirik kritik sosial.Band yg enak disemak!!Saya membanyangi live set mereka dgn mosh pit yg riang gembira!!

Bloodspitrecords.com
info@bloodspitrecords.com

SPOONFUL OF VICODIN-s/t tape

Band dari NY,menampilkan kualiti rakaman yg agak raw.Yg menariknya mereka adalah 2piece seorang lelaki dan seorang wanita.Band ini memainkan irama power violence/thrash.Mungkin sedikit mengingatkan saya pada Spazz dgn gaya vokal yg bersahaja.Cuma yg menarik perhatian saya adalah lirik mereka yg sgt sarkastik dgn tajuk2 seperti *Man Is The bastards but trees don't write a lyrics,I'll shit On Your Grave and Lets Put This Way,Yoe're no GG Allin.*Jarang saya ketemukan band yg ingin bermain irama sebegini saat ini saat kebanyakan mulai menyampaikan sesuatu yg serius dan keras!

www.spoonfulofvivodin.cjb.net
spoonful_of_vicodin@hotmail.com

THE COOTERS-Chaos Or Burst cd

Saya yakin anda akan mempunyai *expectatations* yg tinggi bila band itu diriliskan di bawah Profane.TC memberikan irama punk rock yg diadun dgn metal pada semua track mereka.Sesuatu yg sgt baru bagi saya dan ini kali pertama saya mendengar mereka dan saya menyukai mereka.Apa yg menarik perhatian saya adalah lirik mereka yg berkisar hal politik dan sosial sekitar mereka dan disertakan dgn

kehidupan selepas bebal zine isu ke 3

Hi...apa khabar teman2?Selamat menikmati bebal zine isu ke #4.Aha..memang sgt di luar jangkaan bila zine ini menghampiri isu ke empat dgn jangka masa setiap edisi 3-4 bulan.Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua teman2 yg memberikan sokongan pada publikasi diy punk/hc ini.Sekali lagi saya menulis utk ruangan editorial ini bagi berkongsi kisah picisan kehidupan saya setelah isu ke 3 diterbitkan.

CORAT-CORET KEHIDUPAN....

Sejak pengunguman kenaikan bahan bakar beberapa waktu yg lepas ianya banyak memperngaruhi pola kehidupan saya kerana saya bergantung pada petrol bagi memudahlan pergerakan saya utk ke tempat kerja dan bertemu teman2.Kesannya amat dirasai dgn pendapatan yg tidak seberapa ianya begitu membatasi beberapa perkara yg saya aturkan.Memang saya terbeban dgn perihal ini tetapi saya tidak punya alternatif dan saya yakin sebahagian dari kita juga tidak punya alternatif mahu tidak mahu terpaksa mencatu beberapa perkara bagi mengimbangi kehidupan ke tahap normal..Sumpah seranah dan rungutan tidak mampu mengubah apa2 tetapi saya amat percaya dan yakin dgn kuasa solidariti kemanusiaan.

RUANG KARYA INTERNET.

Saya mulai aktif dlm blog sejak beberapa bulan yg lepas.Saya rasakan ianya satu pengalaman yg menyeronokkan bila dapat berkongsi ekspesi dgn mereka yg membacanya.Sememangnya blog menawarkan suatu ruang karya sepenuh kebebasan tanpa perlu melaui tapisan2 yg menyekat ruang karya seseorang individu.Mengikut kajian yg saya baca Malaysia merupakan antara negara yg mempunyai banyak blog yg aktif.Tidak kiralah blog punk rock atau aktivis ianya menjanjikan ruang karya yg menarik.Tetapi sejauh mana anda menggunakan blog utk tujuan tertentu adalah terpulang pada anda tetapi saya menyukai blog yg berinformasi dan tidak hanya penceritaan kisah2 kehidupan tipikal dan mempunyai unsur2 yg menjengkelkan penglihatan dan hati saya utk meneruskan saya mengikuti pos2 baru dlm blog seseorang.Tepuk dada tanya selera.

VOICE YOUR OPINION!!

Lewat 80an Infest pernah menyuarakan perihal menyuarakan pendapat masing2 utk dikongsi dan sama2 menerima seadanya dan ama menjengkelkan bila wujud individu yg tidak boleh menerima kritikan dan pendapat orang lain.Saya amat kurang senang dgn situasi ini.Seharusnya mereka perlu menerima teguran atau kritikan mengenai sesuatu itu dgn positif apatah lagi bila perkara itu adalah kebenaran.Jangan jadi bodoh!!!

"Saya lupa anda di sini semata2 kerana muzik!!"

Sesuatu yg membuatkan saya meluat adalah bila ada sesetengah individu mempersoalkan bila sesebuah band memberikan ruang bicara antara mereka dan crowd dan bila sesebuah band memberikan penjelasan mengenai apa yg mereka nyanyikan.Jujur saya katakan saya amat senang dgn band yg memberikan sedikit mahupun penjelasan dgn panjang lebar mengenai apa yg mereka ingin sampaikan.Berada di persembahan punk/hc tidak harus dibatasi dgn semata2 utk berhibur semata-mata.Jadi bila kamu mempersoalkan tindakan band2 yg memberikan penjelasan ketika persembahan mereka ternyata kamu hanya mahu berhibur semata-mata bukan??

SESI JAMMING RINGKAS....

Sejak kenaikan harga bahan bakar mendominas paparan di dada2 akhbar kesannya mulai di rasa di acara kecil ini.Studio yg sering digunakan bagi penganjuran acara ini juga mulai menaikkan sewa studionya pada melebihi rm5 dari kos asal.Di sini saya ingin membidas2 mereka2 yg bermulut manis yg hanya tahu berkata-kata tanpa memberikan ruang kerjasama dlm penganjuran acara ini.

Saya mengharapkan penganjuran acara secara kolektif walaupun saya mengerti akhirnya seringkali saya terpaksa menerima kritikan yg tidak langsung membina malah merendah-rendahkan apa yg sudah berlaku.Sedikit perkiraan utk acara sepanjang ianya berlangsung.

Kadar sewaan studio=rm25/jam
Minima sewaan=rm50(2 jam)
Entri/derma(rm2/person)
Purata rate bagi setiap acara=rm43-rm45.

Pernah satu edisi saya mendapat separuh dari kadar sewaan acara.Pernah satu edisi saya terpaksa melebihkan waktu kerana ralat2 yg tidak dpt saya elakkan.Jgn impikan sesuatu yg membuatkan timbul rasa menyampah.

Kadar baru sewaan studio=rm30/jam

Pengunjung juga di caj oleh pihak studio dgn kadar rm1/jam.
Jika individu melebihi 15 orang kadar caj yg akan dikenakan adalah rm15/jam
Kos total peganjuran acara sekarang:rm90/jam

PENGANJURAN SECARA KOLEKTIF.

Beberapa teman di sini mulai mempersetujui utk menganjurkan lagi acara kecil persembahan secara kolektif bagi memberi peluang pada band2 utk bermain di sini.Sayang sebenarnya ingin menutup terus segala apa yg sudah kami mulakan sejak edisi pertama persembahan *Sesi Jamm Ringkas* sudah melebihi 50 kugiran mengadakan persembahan di sini.Kami mengambil inisiatif ini walaupun realitinya kami terpaksa menurut aturan2 kapitalisme yg terus terang merompak kegembiraan kami.

SESI JAMMING RINGKAS #14.

Awalnya edisi ini dibatalkan kerana masalah kadar sewa studio yg tinggi namun setelah persetujuan teman-teman dan keinginan band Graf Orlock main disini acara ini dilangsungkan dgn penuh riang dan gembira dan edisi ini menjadi edisi yg menreima kehadiran paling ramai sepanjang penganjuran.Terima kasih kepada mereka2 yg memberikan kerjasama sepanjang acara ini berlangsung terutama pada pihak Utarid Booking,band2 yg bermain pada hari tersebut dan juga teman2 yg sudi menghadirkan diri pada acara tersebut.Semamangya semua teman2 berasa riang dan gembira dgn penganjuran acara tersebut.Diharapkan selepas ini akan ade *touring band* yg singgah bermain di sini.

Terima kasih semua!

BERTUKAR PEKERJAAN.

Lewat 30 Jun 08 yg lepas saya bertukar pekerjaan setelah hampir 3 tahun berada dlm ruang ubat di sebuah pusat perubatan swasta di sini.Alasan utama pengunduran saya adalah kerana beban kos kehidupan yg semakin meningkat memerlukan saya mencari alternatif yg lebih menarik bagi mengimbangi kehidupan saya.Bagi masyarakat kelas pekerja seperti saya skop pekerjaan yg menjanjikan sesuatu yg mempunyai ruang utk menikmati kehidupan adalah sesuatu yg sangat diinginkan.Saya tidak mahu terperangkap langsung dlm ruang yg ditakrifkan sebagai "*workoholic'* kerana jika berada dlm keadaan sedemikian saya amat pasti tiada ruang saya menikmati kehidupan!

KOLUM EDITOR.

Ruangan kolum editor menerima *feedback* yg paling banyak dari para pembaca.Kebanyakan teman2 berkongsi pendapat masing2 mengenai apa yg saya bicarakan pada ruangan tersebut.Jadi saya amat senang teman2 yg sudi berkongsi pendapat dan berinteraksi.Inilah sebenarnya yg sepatutnya ada pada komuniti diy bukan hanya sekadar behibur semata-mata.Punk seharusnya menjadi medium keterbukaann ruang diskusi sekaligus sebagai medium perkongsian idea bukan hanya cuba menjadi wira di ruang2 *message board.*

Ruang2 perbicangan yg bersifat jujur sebenarnya adalah satu yg benar2 mampu membentuk ruang interaksi yg berkesan bukan sekadar berbicara mengikut hati dan perasaan semata-mata.Jadinya silalah buang rasa egois yg meluap2 dan beranggapan pendapat anda sahajalah yg benar dan tiada orang yg boleh menafikannya.!

MEMPERSENJATAI KOMUNIKASI....

Saat segalanya sedia terhidang di depan mata komunikasi semakin dilupakan.Ayuh kembalikan semula ruang toleransi dalam komuniti ini!!

Seperti biasa ini senarai main utk isu ini:-
-MAGRUDERGRIND LIVE AT NOISY STUDIO
-SESI JAMM RINGKAS #14
-KAH ROE SHI S/T CD
-AL JABIRI DAN NALAR POLITIK ARAB DAN ISLAM
-ANARCHISM-GUERIN
-KERENA NEKO "LIVE"
-NASUM "Domegaden" demo MP3.
-FROM ASHES RISE-Trax from split Ep with Victims MP3.
-KIKOUSHI ENMA-Anime
-GIE-Movie.
-ARAH KIRI-LIVE!

08300	08100	39200	39100	81800	81750
Gurun	Bedong			Ulu Tiram	Masai
		Ringlet	Brinchang		
					TERENGGANU

pissedoffrecs@gmail.com.
Myspace.com/pissedoffrecords

KAH ROE SHI-S/T CD

Didatangkan dlm kain kecil berlogo band menampilkan kelainan dlm rilisan2 tempatan yg lain.Kah Roe Shi dlm bahasa Jepun bermaksud mati kerana kerja,Melihat maksudnya sudah membayangi *stand* band ini.Track pertama dibuka dgn *spoken word* yg sayang tidak disertakan dlm lirik mereka.Band ini banyak mengadaptasi irama dark crust dgn pengaruh kuat band2 sperti HHIG,Tragedy,From Ashes Rise etc dan ditambah dgn riffing dan stroke drum yg pelbagai menjadikan ianya menarik dari struktur muzikal mereka.Gaya dan penjelasan lirik yg cukup bijak sarat dgn kritik2 politik yg begitu jelas.Band tempatan yg patut diberi perhatian!!
Kolaberasi 13 label diy tempatan
Kah-roe-shi.blogspot.com
unionofslave@gmail.com

Kurwa Aparata/Co-Arse split cd

Khabarnya track2 ini sudah lama diperam beberapa tahun?Benarkah?Saya mulakan dgn Kurwa Aparata dari Austria memberikan sesuatu yg klasik dan sgt "pekat" dgn punknya.Memberikan sentuhan d-beat/crust megimbau band2 awal Sweden dgn beat2 80s punk pada corak permainan mereka.Lirik yg bijak dari soal konsumerisme,pemerintahan sehingga pilihanraya.Band punk yg enak!Co-Arse dari Filifina pertama kali saya mendgrnya memberikan sesuatu penuh kemarahan.Kualiti rakaman yg agak low fi dan raw.Mungkin mereka dipengaruhi oleh era2 awal punk dari Jepun yg memang sarat dgn sound2 yg raw sebegini.Tetapi corak permainan mereka agak simple pada pendengaran saya.Dari segi lirik juga agak simple dan mudah difahami.Split punk yg pasti digemari oleh pedamba crust punk!!
Life On The Edge:dnc_collective@yahoo.com

LOADED FOR BEAR/BIZARRE X-split CD

Melihat artworknya sudah membayangkan ini adalah sesuatu yg GRIND!!!.LFB dari US memulakan track dgn sampler yg agak *gore.*Kemudian memulakan track mereka dgn alunan grind/power violence.Mengingatkan saya pada band2 sperti Iron Lung,Hatred Surge etc cuma mereka lebih menerapkan beat2 grind dlm permainan mereka.Lirik yg sarkastik dan disertakan penjelasan.BIZARRE X memang cukup dikenali dgn alunan grind bass and drum cuma kali ini kelihatan banyak beat2 punk/power violence dlm permainan mereka tetapi mereka memang tidak pernah mengecewakan dgn muzik dan lirik2 sarkastik mereka.Juga disertakan klip video mereka.Satu lagi split yg direkomandasikan!!
On The Wrpath Records/Bckgroundnoise mediacorp/Hip Kids Records/One Sock Records *cuba semak di myspace/google alamat tidak ditemukan.

OPTIMUS PRIME/GONE WITH THE PAIN-SPLIT CD

DIdatangkan dlm pakej berlipat bersampul kemas dan diletakkan cd di dalamnya.Cover depan burng-burng bertebangan membayangi irama yg bakal dialunkan dlm cd ini.OPTIMUS PRIME dari Moscow Rusia memberikan irama screamo dgn penuh bermelodi dgn riffing syahdu dan kombinasi vokal lelaki dan wanita dalam lagu2 mereka memberikan satu ekspresi muzik dgn penuh perasaan.Dgn lirik-lirik penuh ekspresi personal politkal yg dialun kan dgn gaya nyanyian penuh perasaan.Iwish to see them live!!!!GONE WITH THE PAIN dari Rusia juga memberika irama emo-violence dgn part vokal yg keras dan struktur muzkal yg pelbagai dan bermelodi.Band yg menarik tuk disemak dgn lirik perihal personal politikal mengungkap pelbagai persolan kehidupan .Riffing gitar yg bebnar-benar meyusup kalbu!!
Old Skoll Kids Records,
PO bos 64,109147,RUSSIA
www.oskrecords.com

PHOENIX BODIES-Too Much Information CD/DVD.

Muka depan gambar lelaki berbulu dada dan saya yakin ini adlh vokalis band ini.PxB menjanjikan alunan irama hardcore enegetik memberikan sesuatu yg berat dgn elemen2 *metallic,distorted,*screamo?,hardcore dan punk!Anda ibaratkan ban2 seperti Disordance Axis,Usurp Synapse,The Locust digabungkan.Cd audio mneghimpunkan track2 mereka dari rilisan2 sebelumnya,DVD pula menghumpunkan persembahan mereka pada Dude Fest 2004,Summerslam 2004 dan sesi temuramah yg menarik.Live set yg menggila sekali.Direkomandasikan!!!
Shove Records:www.shoverecords.com

menarik buat pecinta grind!!!!!!*A Fucking Punishment For Your Weak Ears!!!!!!*
Vomit Noise Productions,C/p Robert Waller,PO Box 403,Marietta,PA 17547,USA.

DOSA/PERMANENT DEATH/TO DIE-"No Cash! No Thrash!....Just Noise-3 way split TAPE.
Oh yeah!Ini adalah noise grind!!!!DOSA memberikan irama yg lebih barai berbanding dgn rilisan mereka sebelum ini.Noisecore/grind yg *short+fast+loud.Fukking awesome!!!!*.Saya ingin mendengar mereka lagi dan lagi!!!!Permanent Death dari Belgium pula memberikan irama cyber/techno grind/noisecore.Bagi yg medamba band2 seperti Kardivafiker,Cyber Anal atau Pulmonary Fibrosis pasti menyukai mereka.Ekspresi dgn sampler yg pelbagai menarik halwa telinga saya.*Noise is an art!!!*TO DIE dari Ina memberikan alunan irama grind punk/thrash dgn lirik yg sarkastik suara vokal yg biasa didengarkan pada band2 thrashcore cuma perbezaan dari struktur sound mereka yg raw dan *noisy*.Split tape yg enak buat pedamba grind/noise
Grindlover Productions,
Ramadhona Putra,DS Amar Sakti #33,Sungai Penuh,Kerinci,Jambi,37114,Indonesia
Orang_pinggiran2005@yahoo.com

DRAMA COMA-cd-r demo.
cd-r yg didatangkan dlm bentuk bintang mungkin ingin mencipta sesuatu yg lain dari yg lain.Tetapi realitinya tidak semua pemain cd mampu menyempurkan dan ini juga dihadapi oleh diri saya.:).Lantas terpaksa meghubungi band ini bagi mendengar audio muzik mereka.Drama Coma dari nama sudah membayangi.Mungkin ini yg dikatakan euro screamo?La Querte?Raeein?Enoch Ardon?. ....
Bunyinya kelihatan sinonim dgN band2 sedemikian sahaja Cuma terdapat elemen jazz dlm permainan mereka.Liriknya juga terlalu mudah dan biasa luahan perasaan kerana kesunyian dan kecewa melihat banyak mayat.Saya menyukai mereka mampu meyanyikan lagu dlm bahsa Itali dgn begitu baik sekali.:)
www.myspace.com/dramacoma

GERM ATTACK-Live With T.H.R.U.S.H tape.
Band dari Kanada ini memberikan irama punk/anarcho yg sgt pekat dgn sentuhan 80s punk dgn riffing berbaur metal dgn vokal kemarahan.Mengimbau band2 seperti Disorder,Chaos UK etc.Jarang saya mendengar irama sebegini sekarang utk komuniti tempatan saat banyak band2 tempatan ghairah memainkan irama d-beat/crust.Lirik mereka seperti biasa perihal politikal dan kehidupan mereka.Kualiti rakaman yg raw!!!
Black Konflix,c/o Aizu,PO Box 28,27600,Raub,Pahang,MALAYSIA.
Kontek band:PO Box,53008.Ottawa,Otario,K1N, 1CF,CANADA.

INANATION-cd-r compilation.
Didatangkan dlm bentuk jaket berisi cd dgn sedikit artwork yg anda boleh bayangkan apa yg dimainkan oleh2 band2 dlm kompilasi ini.Kompilasi ini membariskan band2 yg berkonsepkan screamo,post-rock dan hardcore.Band yg menarik perhatian saya adalh band Thema Eleven.Kebanyakan band2 dlm cd ini cukup dikenali seperti Zann,Kias Fansuri,Enoch Ardon dan Choose Your Path.Rata2 kesemua track diambil dari rilisan2 mereka sebelum.Jadi tidaklah begitu menarik sgt sebenarnya tetapi bagi mereka2 yg ingin mengenali band2 yg ada dlm cd ini bolehlah mendapatkannya.
Myspace.com/itaiitairecords.
itaiitairecords@gmail.com


iron cage

IRON CAGE-Nature Isnt Mute Modern Man Is Deaf-gatefold cd.
Iron cage kembali lagi dgn *full length* yg diriliskan oleh label tempatan.Masih seperti album sebelum ini cuma kali ini semakin *tight* dgn *guitar work* yg padu dan struktur muzik yg bertenaga.Saya menolak utk melabel kugiran *screamo* kerana mereka mengalunkan irama emo hardcore mempunyai pengaruh kuat *90s hardcore* yg menerjah dgn kugiran2 Perancis yg sinonim dgn label *france emo sound*.Harus diakui sound2 sebegini kurang didapati sekarang dgn lirik2 kritik sosial dari politik,budaya sampai ke perihal media.Saya menyukai mereka dan diharapkan akan muncul band tempatan memainkan irama sebegini.Band yg patut disemak!
Pissed Off Records.Mohd Syahir,No 77,Jln Jasa Merdeka 18,Tmn Datuk Thamby Chik Karim,Batu Berendam,75350,Melaka,Malaysia.

Mengungkap fungsi zine.

"Jika zine itu hanya penceritaan kisah-kisah picisan adalah lebih baik jika budaya zine itu dikuburkan sahaja:....."

Saya amat yakin ramai yg akan mempertikaikan pernyataan di atas tetapi bagi saya ianya adalah satu jalan keluar yg mudah.Senario zine dlm komuniti DIY tempatan tidak semeriah dulu namun dan ramai yg merungut akan situasi ini.Saya tidak punya masalah dgnnya akan tetapi jika pembuatkan zine itu hanya sekadar ingin mengambil tempat bagi memeriahkan komuniti dgn isi-isi yg membuatkan timbul bermacam-macam spekulasi adalah lebih baik ianya tidak meriah langsung.Zine berperanan sebagai medium komunikasi dan membawa informasi seputar komuniti baik politiknya,aktivismenya mahupun sekadar berkongsi pendapat dgn mewujudkan ruang toleransi.Alasan-alasan membuat zine adalah kehendak kamu sendiri sebagai jalan keluar bagi menunjukkan kebencian atau rasa tidak puas hati secara individualistik sehingga menyebabkan polimik2 yg tidak mendatangkan apa-apa faedah adalah sgt menjelekkan.

Saat saya menonton dokumentari pendek Microcosm Publishing bertajuk *100dollar and t-shirt* yg mengungkap peranan zine dlm komuniti DIY saya tertanya-tanya adakah komuniti diy tempatan juga mampu melahirkan pemikir-pemikir seperti mereka.Kerja membuat zine di Portland bagaikan satu kerja kewartawanan secara tidak formal dgn skop dan kepedulian terhadap komuniti dlm persekitaran mereka.Jadi kerja zine bukan sekadar memenuhi masa lapang kamu saat di tinggalkan teman wanita atau sekadar aktiviti sampingan bagi menanti suatu perubahan taraf hidup yg lebih tinggi.Punk adalah sesuatu yg fleksibel tetapi jika kamu membengkokkannya ke arah yg bertentangan dgn berarahkan agenda peribadi kamu maka ianya tidak ubah seperti arus komersial.

Kamu boleh mengkritik mengenai mereka yg melacurkan komuniti Diy tetapi dlm masa yg sama tindakan-tindakan kamu mendukung sesuatu yg sinonim dgn arus perdana dan mengaitkannya tiada beza dgn punk/hc adalah sesuatu yg sgt menjelakkan.Punk/hc adalah budaya perlawanan.Seharusnya ianya berada di arah yg bertentangan.Jika kamu mendukung mereka2 yg bersikap pro arus perdana maka ianya adalah seolah-olah tiada beza dgn arus perdana bukan??

ZINE SEBAGAI MEDIUM PERKONGSIAN IDEA?
Zine seharusnya mempunyai fungsi perkongsian idea di sini saya mengambil contoh mudah zine kalian sering baca Beyond The Barbed Wire memperlihatkan editor dan kolumnis memberikan pandapat masing2 dgn corak penyampaian yg bersikap intektual.Intelektual di sini bermaksud perkongsian yg tidak bersasarkan ke arah mencari formula bagi meraih kuntungan dgn dasar hak cipta bagi mempatenkan idea2 mereka utk dijana menerusi produk yg dapat memberikan mereka kuntungan hasil idea2 yg mereka kemukakan.Dan,inilah bezanya arus perdana dgn komuniti DIY.Perlu diberi perhatian sekiranya anda mengaitkan apa yg anda lakukan dlm komuniti DIY ini dgn arus perdana secara total maka anda seolah2 mendukung idea2 mereka yg bersifat keuntungan.Saya harus akui yg DIY tidaklah secara toatal membunuh kapitalisme itu tetapi setidak2nya kita melakukan sesuatu yg bersifat pelarian dari arus perdana yg hanya mahu mengambil idea2 yg dihasilakan bagi memperoleh lebih banyak keuntungan.

"ZINE AKU!!AKU PUNYA FASAL LAH...."

Saya tidak harus apatah lagi menafikan ruang legar kebebasan kamu menghasilkan bahan bacaan tetapi adakah hanya sekadar mahu melampirkan kisah-kisah picisan kehidupan yg berkar umbi emosi semata-mata.Tidaklah saya menyatakan ianya sesuatu yg tidak patut ada tetapi seharusnya ianya mempunyai sesuatu yg bertentangan dgn apa yg disajikan pada arus perdana.Fungsi zine itu sendiri tidak seharusnya dipesongkan atas alasan ini zine saya dan saya bertanggungjawab dan jika kamu tidak suka sila abaikan dan carilah zine lain yg memenuhi citarasa kamu.Tidak ada seorang editor zine pun yg dapat memenuhi citarasa semua individu tetapi apa gunanya menghasilkan sesuatu yg bersifat picisan dgn penuh rasa emosi yg membelenggu diri.Jika kamu menyatakan

tindakan membuang emo dlm tong sampah adalah tidak patut tetapi jika emosi leweh yg tidak ada beza dgn apa yg kamu boleh perolehi di ruang masalah cinta mahupun kegembiraan menjadi anak muda yg berkiblatkan arus perdana adalah seharusnya kamu memohon utk menerbitkan sahaja apa yg seitidak2nya ramai yg akan meminati penulisan kamu.

BICARA APA YG BERLAKU PADA MASA SEKARANG..

Fungsi tradisi zine itu tidak seharusnya lari baik zine itu menerusi medium internet mahupun cetak.Zine berperanan juga berperanan sebagai medium informasi bagi teman-teman mengetahui mengenai band,aktiviti di sesuatu tempat mahupun rilisan-rilisan yg diterbitkan.Cuma zine bersifat lebih kepada individualisme iaitu megikut acuan seseorang editor itu sendiri.Jadi jika editor itu bersikap acuh tak acuh dan menjadikan apa yg ingin mereka utarakan sebagai satu bahan lawak jenaka maka secara tidak langsung ianya akan menjadi satu bahan lawak jenaka sama sekali.

Perihal apa yg berlaku dalam sesebuah komuniti tidak seharusnya dibatasi dgn aktiviti dlm komuniti punk/hc sahaja.Jika aktvititi2 aktivisme yg dilakukan dirasakan perlu utk dikongsikan maka ianya juga boleh dikongsikan dgn para pembaca.Zine tidak seharusnya bersifat pro mana2 pihak.Pada pendapat saya sendiri ianya seharusnya menjadi sesuatu yg neutral.

PERSONAL ZINE...

The End Of Perfect Day merupakan salah satu contoh zine personal yg tidak berada pada lingkungan yg dilabel kosong.Jika kalian melihat kolumnis2 dlm Heartattack ada beberapa kolumnis yg mengutarakan intipati personal dlm penulisan mereka namun penulisan mereka memberikan sesuatu yg berisi.Saya tidaklah mahu mendewa-dewakan apa yg mereka sampaikan tetapi sekadar mengambil inspirasi bahawa entiti personal itu tidak harus dibatasi dgn luahan-luahan picisan yg memualkan.Apakah yg memungkinkan anda mengenengahkan unsur-unsur yg rasis,fasis atau seksis atas dasar personal?Itu persoalan yg menyelubungi ruang pemikiran saya.Hak anda menulis tidak seharusnya membontotkan anasir2 yg patut ditolak.Jadi anda seharusnya memikirkan sesuatu yg bersifat perantaraan dan bukannya omong2 kosong yg anda boleh temukan di kedai-kedai kopi sekitar anda bukan?

"MEMBUNUH" DAN MENGKRITIK!

Zine didukung oleh seorang individu,dua atau dijalankan secara berkolektif.Jadi realitinya zine adalah ekspresi pada penulis zine itu sendiri.Sejauh mana mereka menterjemahkan apa yg mereka utarakan adalah bergantung total pada individu yg menghasilkannya.Kritikan di dlm zine adalah sesuatu yg normal.Seharusnya editor memainkan peranan utk berlaku jujur dlm setiap apa mereka sampaikan tidak sekadar ingin menjaga hati kerana ia adalah teman kepada editor itu sendiri.Ekspresi editor juga tidak seharusnya diarahkan kerana individu tersebut adalah seorang yg sangat dibenci editor dan menjadi sasaran terhadap segala rasa tidak puas hati kepada seseorang individu dilepaskan tanpa mempedulikan pro dan kontra mengenainya.Seharusnya punk/hc menjadi medium konflik tetapi konflik bagaimana yg anda ingin terjemahkan sekiranya rasa benci dgn emosi yg membuak2 mempengaruhi apa yg ingin anda sampaikan?Kritikan tidak salah tetapi seharusnya ianya bertepatan dan wujud komunikasi dgm medium yg sekata bagi sama-sama mengutarakan pendapat dgn penuh keterbukaan dan menolak sikap egoisme dgn membelakangi pendapat-pendapat orang lain atas dasar anda sahajalah ultra mulia dan sempurna bebanding mereka yg lain.

penulisan ini adalah pendapat editor bagi sama-sama membentuk satu zine yg bertunjangkan perkongsian idea dan bukan hanya berlatarbelakangkan luahan perasaan yg tidak berkesudahan...



CRUX/PAZAHORA-split cd

CRUX dari Australia mengalunkan irama crust yg sarat dgn elemen2 *dark* dlm permainan mereka membayangi band2 seangkatan seperti HHIG,Zeroid etc.Lirik mereka perihal kekalutan dunia yg ditulis dgn panjang lebar sgt menarik perhatian saya.Sayang saya terlepas persembahan mereka di ibu kota lewat beberapa bulan yg lepas.Pazahora dari SIngapura menjanjikan sesutau yg menarik dgn garapan crust bermelodi membayangi band2 seperti Tragedy,From Ashes Rise etc.Masih pekat dgn bertenaga.Lirik yg memukau mengungkap perihal manusiawi dari skala global.Split yg patut ada dlm simpanan anda.*Never give up!Never surrender!!*
cactusdistro@yahoo.com

COTIDIE MORIE-S/T TAPE

Cotidie Morie dari Itali memainkan irama hardcore/screamo.Dgn kualiti produksi yg agak raw dan corak permainan muzik yg agak pelbagai memberikan kelainan dari band2 yg anda biasa dengarkan.Satu produksi yg menarik dgn lirik perihal personal politikal dan saya sgt teringin melihat mereka secara *live!!*
Utarid Tapes.



COTIDIE MORIE

DAIGHILA-Miscellaneous cd-r

Didatangkan dlm sampul surat khas yg menarik dgn sedikit artwok yg sarkastik.Daighila adalah sekumpulan anak2 punk cukup dikenali dlm komuniti tempatan dgn muzik metallic screamo mereka dgn bunyi gitar *techy* struktur muzik yg berbeza dari band2 screamo tempatan yg lain.Suara vokalnya yg *shrieking* mengingatkan saya pad akugiran Reversal Of Man.Lirik yg sarat berkias dan personal politikal enak.Dgn live set yg *tight*,Daighila adalah band punk yg enak dlm genre muzik mereka!
www.myspace.com/daighila.



daighila

DAITRO-2004-2007 Discography tape.

Wahh...ini adalah *masterpiece* .Saya pernah mengulas band ini pada isu yg lepas.Tape ini merangkumi rilisan mereka sepanjang 4tahun kemunculan mereka.Anda membayangi sesuatu yg *rock* pada mereka dan punya originaliti.Sayang tiada lirik namun bagi yg mengetahui mereka "menjerit" mengenai sosial,politik dan kepercayaan.Mereka adalah kelompok anak2 punk yg tidak terikat dgn label muzik semata2.Screamo?Ini adalah sesuatu yg punk/hc!
Utarid Tape,Azwari Zainal,Unit 4-8,Blok B,Impian Kota,Jalan Kg Attap,50460,Kuala Lumpur,MAL.
Myspace.com/utaridtapes.

DEFEAT-Shadows Of Fear.Tape

Rilis asalnya dlm format cd-r tetapi di re-press kembali oleh2 teman2 di Ina dlm format kaset.Defeat dari ibu kota memainkan irama melodic crust/d-beat.Anda pasti membayangi band2 seangkatan seperti Tragedy,To What End?,Wolfbrigade etc.Apa yg menarik adalah sturtur muzik mereka dgn *guitar work* dan *stroke* drum yg pelbagai.Lirik sperti biasa mengungkap perihal2 politik.Dgn live set yg enak Defeat menjanjikan kepuasan bagi pendukung crust!!!!
Punk Holocaust Records:hanggar1pb@yahoo.com
Kontek band:defeatcrust@gmail.com

DISTURBANCE PROJECT/SUBCUT-Split CD.

*Grind your head in!!!!*Subcut dari Brazil memberikan irama grind punk dgn baur2 irama modern grind dlm permainan mereka.Generasi baru grind dari Brazil selepas MDK dan ROT.Lirik dlm bahasa ibunda yg disertakan terjemahan.Seperti biasa sarat dgn kritik sosial dan politik.DISTURBANCE PROJECT adalah satu lagi band serpihan DENAK.Mereka memainkan irama grind yg kontra dgn DxP.Raw grind dgn kualiti sound yg kotor sedikit meningatkan saya pada Warsore;Denak,Fear Of God etc.Anda boleh membayangi permainan muzik mereka dgn lirik yg politikal.Split yg

Ulasan audio jahat 4,,,,

ABRAHAM CROSS-End Of Time Tape

Band ini memang dikenali bersama rakan2 seangkatan mereka yg lain.Memberikan alunan distort d-beat/crust dgn sound Japan yg begitu signifikan sekali.Lirik yg agak terbengkalai dan perlu dihayati kerana alunan English yg agak terbengkalai.Namun Abraham Cross tetap menjanjikan "kekotoran" dlm permainan muzik mereka.Go japan crust!!

Black Konflik Records c/o Aizu,No 59,Lorong 3,Tmn Kenanga,27600,Raub,Pahang,Malaysia
blackxkonflik@yahoo.com

A Bullet Sound The Same(In Every Language)-3way split CD.(INFERNO/PSYCHOFAGIST/OVO)

Dimulakan dgn inferno dgn bunyi-bunyian rock n roll dan saya yakin mereka menggunakan pelbagai gadjet mendominasi penguasaan muzik mereka.Mereka menyuntik sedikit elemen grind dlm permainan mereka beserta lirik yg agak berat utk dihayati dan mereka melabel permainan mereka "sci-fi rock and grind".Yup,anda pasti sedikit membayangi The Locust! PSYCHOFAGIST,modern grind yg laju.*Its damn fast!!!*Dgn sampler yg diambil dari filem mereka memberikan kepuasan ultra dgn breakdown sana sini tetapi tidaklah terlalu terbawa2 elemen2 math kerana mereka masih medamba grind2 tradisi dan metal dan lirik2 ekspresi.OVO...yes!Noise!Dgn durasi 13.14 minit dgn pelbagai elemen menjanjikan kepuasan buat pedamba muzik noise.Dgn elemen doom/sampler dgn elemen sci-fi saya membayangi sesuatu yg horror ketika persembahan mereka!!

Shove Records,
www.shoverecords.com

ATHRODONY-Crazed Development cd.

Melihat pada artwork depan cd ini saya sudah boleh membayangkan ini adalah kugiran grind,dan ternyata saya tidak silap.Mereka memberikan irama grind old school dgn sedikit part metal.Kualiti bunyi yg raw dan susunan muzik yg primitive memberikan satu tumpahan alunan grindcore yg begitu memukau telinga saya.Juga terdapat sedikit part2 ground breaking yg dibaraikan dgn gaya permainan grindcore ygt barai.Its fukking awesome man!!!

Lirik yg simple mengenai kekalutan duniawi!

Go modown hardcore!!!

www,625thrashcom(625 thrashcore)
www.killedorbekilled.net/derok

CONQUEST FOR DEATH-Beyond Armageddon cd

Aha..ketika saya menulis review ini beberapa hari lagi saya akan menyaksikan persembahan mereka di ibu kota.Rumourse mengenai kedatangan mereka sudah hangat disebarkan terutama dari saudara Man Beranak yg mana band beliau pernah split dgn band ini.Cd ini diriliskan semperna rangka tour mereka ke Australsia 2008.Menampilkan dua full length mereka yg dihimpunkan dlm satu cd.CFD adalah ex-band What Happens Next cuma drummer mereka sahaja bukanlah saudara Max Ward.Memberikan irama thrash/fast bermelodi sarat dgn part-part circle pit dan saya mula mebayangi moshpit yg sarat dgn circle pit ketika persembahan mereka.Dgn lirik2 yg enak berbicara scene komuniti sampailah sosial dgn gaya penyampaian yg sarkastik.Sgt direkomendasikan!!!!

Cactus Records
cactusdistro@yahoo.com



CONQUEST FOR DEATH

Praktis diy dalam komunti punk/hc lokal.....

"DO IT YOURSELF" jika diterjemahkan merujuk kepada sesuatu yg kamu lakukan sendiri.Hari ini kamu dapat melihat sendiri sesetengah kedai "hardware" menggantung papan "do it yourself" pada premis mereka.Jika didefinisakan dgn mudah ianya merujuk kepada sesuatu perkara yg kamu lakukan sendiri.Untuk isu kali ini saya ingin mengupas mengikut pengamatan saya sendiri praktis diy itu sendiri.

"Kami memberikan informasi,itu sebab apa yg kami lakukan itu amat penting bagi kami.Kami melakukan perkara2 "punk" tetapi kami juga menyebarkan idea2 alternatif.Ramai anak2 hari ini tidak membaca dan tidak mahu bertanya jadi kami cuba memberikan secara paling mudah dan juga paling "cantik"
-active distribution-(MRR isu #292)

ADAKAH DIY MEMBATASI PERGERAKAN KAMI?

Ramai teman2 saya yg bukan dari kalangan komuniti punk/hc sering mempersoalkan mengenai keterbatasan komuniti DIY.Satu alasan yg diberikan adalah apa yg kamu ingin sampaikan itu terbatas pada golongan punk/hc sahaja.Ianya sama sekali tidak walaupun anda masih berpegang pada diy itu sendiri ianya sangat tidak membatasi kamu untuk berada pada mereka2 yg mempunyai pemahaman yg sama dgn kamu walau dari bukan komuniti punk/hc itu sendiri selagi keterbukaan mereka(maksud saya mereka yg bukan dari kelompok punk/hc)boleh menerima dan berkongsi idea dgn kamu ianya tidak menjadi masalah bagi kamu.Selalunya yg membatasi adalah muzik tetapi bagi saya jika mereka bersikap lebih terbuka ianya tidak menjadi masalah.

MELIHAT DARI KONSEP TEMPATAN.

Saya harus mengakui yg berada dalam komunti punk/hc di sini adalah sgt kontra berbanding teman2 di luar negara sana.Beberapa rakan2 komuniti dari luar Negara sering menekankan konsep BEFIKIR SECARA GLOBAL DAN BERTINDAK SECARA LOKAL.Maksudnya di sini kita tidak seharusnya membandingkan apa yg kita lalui di sini dgn teman2 kita di UK,US ataupun di mana ceruk sekalipun. Semuanya adalah mengikut rasional di mana kamu berpijak.Adalah satu kejahilan bila ada teman2 yg sering membidas komuniti tempatan dgn alasan komuniti luar lagi hebat dan gah dgn aksi langsungnya.Jika kamu rasakan yg mereka lagi releven kamu bolehlah mengemaskan barang kamu dan berhijrahlah ke sana kerana kamu lebih rela mengagumi mereka dan kamu mungkin terlupa atau mungkin tidak pernah ambil peduli bagaimana komuniti punk/hc ~~mengatasi~~ melangkaui jarak dan tempat.

ADAKAH KOMUNITI DIY ITU BERADA DALAM SEKITAR MEREKA SAHAJA?

Adalah satu kejahilan jika kamu mengatakan yg berada dalam komuniti Diy membuatkan kamu menjadi super ultra mulia sehingga membelakangi pendapat semua orang yg bukan dari komuniti Diy juga?Saya ambil di sini satu contoh dalam wawancara MRR isu #290(july 07)band asal San Francisco,Warkrime.Saya mulai terperasan akan kenyataan band ini yg menolak konsep semua orang dgn menyatakan merekalah yg sempurna.Perihal band ini diulas kembali oleh salah seorang kolumnis asalnya di tempat yg sama Hannah E Dobbz dalam isu MRR #292(Sept 07)yg menyifatkan salah seorang line up band tersebut yg bernama Brace adalah kalangan kelompk punk yg bersikap fasis yg melabel dgn mengatakan:

"...punk adalah penolakan segala yg berada di sekeliling walau apa jua pun"

Penulis kolum tersebut membanding pernyataan tersebut dgn ketidakpedulian mereka(warkrime)mengenai kepekaan mereka perihal haiwan.Saya melihat ini adalah satu pernyataan yg tidak boleh diterima pakai apabila sebuah band punk hanya mementingkan kelompok mereka sahaja.

PERDEBATAN DAN PERCANGGAHAN IDEA.

Saya melihat konsep konfrens secara telus dan positif dalam komuniti diy tempatan.Namun apa yg menjengkelkan bila sesuatu perkara yg menimbulkan rasa ketidakpuashatian diakhiri dgn menghukum membuta tuli dan melabel dan sebab musabab.Lewat ini kelihatan "message board" menjadi medium perdebatan yg mana mewujudkan sesetengah individu yg cuba menjadi wira.Saya sangat senang jika semua pendapat dan komen dibincangakan secara kolektif bersama.Namun apa yg berlaku adalah sebaliknya.

Saya mulai pelik dan tergamam dgn fenomena ini.

SEJAUH MANA IDEA ITU DIDUKUNG?

Perkara ini sering menimbulkan persoalan di benak pemikiran saya sendiri dan mungkin juga kalian.Bagaimana anda menerapkan idea2 punk/hc dalam kehidupan anda?Pokoknya adalah terletak pada diri anda sendiri.Adalah amat janggal bila ada sesetengah teman2 dalam komuniti punk/hc sendiri mempunyai persespis yg saling tidak ada beza dgn mereka di 'luar" sana.Bagi saya ini adalah satu kejahilan.Saya sgt pelik bila muncul individu2 yg mempersoalkan itu dan ini bila ditegur.Tidak ada cara rasional lain bila kamu merasakan diri kamu terlalu benar dan merasakan kamu bagus?Nah!Hanya jari tengah mampu menutup segala tindakan bebal kamu.Mudah bukan?Juga mereka2 yg tidak mahu memberikan penjelasan atas alasan ianya tidak dapat mengubah apa2.Sama sekali satu kejahilan berlaku di sini.Jika benar kamu merasakan kamu benar mengapa takut utk menjawab persoalan yg ditimbulkan?Tunduk diam?Adakah itu penyelesaian mutlak kamu?Saya sangatlah pelik!Aduh!

SUB-BUDAYA DAN KEADAAN SETEMPAT.

Saya pernah berdiskusi dgn beberapa org teman mengenai perihal ini.Mempraktikkan punk/hc di sini tidaklah semudah seperti rakan2 di luar negara.Dgn adat resam dan budaya ianya memang sesuatu yg sukar.Tetapi asasnya adalah pendirian kamu sendiri.Jika mereka tidak boleh menerima kamu persetankan sama mereka kita boleh terus bergerak mengikut acuan mereka sendiri tanmpa perlu mengambil peduli perihal mereka.sSeperti yg pernah ditulis oleh saudara Pam dalam zine Beyond The Barbed Wire isu ke 3.

"Depresi adalah hantu yg selalu membayangi sesiapapun yg mencoba untuk menempuh jalan yg berbeda dgn apa yg telah ditentukan dalam masyarakat yg kita hidupi ini...."

